

Anak penebar roti terima anugerah diraja

BERHARIAN 20/10/19 MS 52

Bachok: Anak penebar roti canai dari Tanjung Karang, Selangor mencatat kejayaan tersendiri apabila diangkat sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK), semalam.

Lebih manis, Siti Madihah Situah, 24, turut menerima anugerah terbaik alumni dan fakulti apabila mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.8 dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam).

Siti Madihah berkata, melihat pengorbanan ayahnya, Situah Mokhtar, 51, menyara keluarga sebagai penebar roti canai manakala ibunya, Siti Aliza Sahar, 48, hanya suri rumah menjadi pendorong kejayaannya.

"Saya bersungguh-sungguh belajar untuk membalas jasa ayah dan emak. Ketika belajar, saya juga buat kerja sambilan seperti berniaga nasi bungkus dan air mineral di asrama kerana tidak mahu menyusahkan mereka," katanya.

Siti Madihah bagaimanapun agak ralat apabila kejayaannya tidak dapat dikongsi dengan ayahnya yang tidak dapat hadir ke-

rana dimaklumkan menghadapi masalah kesihatan.

"Tbu dan adik menumpang kereta bapa saudara dari Tanjung Karang, untuk meraikan konvokesyen hari ini (semalam)," katanya.

Di majlis sama, pasangan suami isteri menguatkan hati menerima Anugerah Anumerta anak mereka.

Anugerah berkenaan disampaikan kepada waris penuntut Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Kreatif, Mohd Faiz Maaroh yang meninggal dunia tanpa sempat menamatkan pengajian.

Zawiah Sulaiman, 48, berkata, Mohd Faiz, anak sulung daripada tujuh beradik dan juga anak pertama memasuki universiti meninggal dunia pada usia 23 tahun dalam kemalangan jalan raya pada 25 Januari 2017.

"Pada mulanya kami tidak mahu datang, tiada apa lagi untuk diraikan.

"Namun, prihatin kepada UMK, kami kuatkan hati untuk naik ke pentas mengambil anugerah anak kami," katanya.

Mohd Faiz baru menamatkan latihan industri di Terengganu dan ingin ke UMK kampus Ba-



Siti Aliza mencium anaknya, Siti Madihah pada majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK), semalam.

(Foto Nor Amalina Alias/BH)

chok bagi proses pertukaran latihan industri di Perak.

Ketika perjalanan ke UMK Bachok, sebuah motosikal terlanggar motosikal yang ditunggang mangsa menyebabkannya terba-

bas dan meninggal dunia ditempat kejadian di Jalan Kampung Perol, Peringat.

Zawiah dan suami antara dua waris pelajar yang meninggal dunia menerima Anugerah Anu-

**Saya
bersungguh-
sungguh belajar
untuk membalas
jasa ayah dan emak.
Ketika belajar, saya
juga buat kerja
sambilan seperti
berniaga nasi
bungkus dan air
mineral di asrama
kerana tidak mahu
menyusahkan
mereka.**

Siti Madihah Situah,
Pelajaran

merta anak masing-masing sempena konvokesyen UMK.

Wakil kepada keluarga Allahyarham Farah Hani Mohd Salleh, pelajar Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Pelancongan tidak hadir.